

Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Prâarâs Kebolehan Melalui Portal SLS

Muhammad Asyraf Haron

muhammad_asyrafh_haron@schools.gov.sg

Siti Zaleha Warti

siti_zaleha_warti@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Woodlands Ring

Abstrak

Membaca ialah salah satu kemahiran asas yang penting bagi seorang murid Darjah satu. Kemahiran ini penting kerana sebelum seorang murid itu mampu memahami sebuah teks yang dibaca, dia haruslah tahu mengeja dan membaca perkataan-perkataan di dalam teks tersebut. Bagi mengatasi masalah ini, wadah ICT seperti portal SLS telah digunakan untuk menyokong meningkatkan pencapaian murid. Satu aplikasi utama yang diguna pakai ialah *Quizizz*. Penggunaan aplikasi ini dapat membantu murid membaca dengan lancar dan betul sekaligus memupuk minat mereka terhadap membaca. Kajian ini melibatkan 22 murid Darjah satu. Berdasarkan dapatan kajian, penggunaan aplikasi *Quizizz* sebagai wahana ICT yang utama dapat meningkatkan kemahiran membaca murid.

Kata Kunci: SLS, aplikasi *Quizizz*, membaca, ICT, kemahiran, Murid darjah satu

PENGENALAN

Kemahiran membaca merupakan kemahiran yang paling asas dan penting bagi setiap murid. Sekiranya murid itu tidak tahu membaca atau lemah dalam penguasaan kemahiran membaca, murid itu pasti akan menghadapi pelbagai masalah pembelajaran. Pembaca yang lemah ditakrifkan oleh Adams (1990) sebagai mereka yang tidak lancar membaca atau membaca dengan lambat.

Allington (1977) pula menyatakan bahawa murid akan mengelak membaca apabila mereka berasa mereka tidak berjaya untuk membaca yang akhirnya tidak akan dapat meningkatkan kebolehan mereka membaca. Masalah ini akan berlarutan dan akan menjadi runcing terhadap murid sekiranya langkah-langkah intervensi tidak dilakukan.

Kajian ini juga akan memantau keberkesanan wahana ICT di dalam usaha menyokong pembelajaran murid, beberapa wahana ICT telah dikenal pasti seperti portal SLS dan aplikasi *Quizizz*. Usaha ini dilakukan untuk membangkitkan minat pribumi digital (murid Darjah satu) di dalam usaha merelevankan pembelajaran bahasa Melayu di peringkat Darjah satu.

PERNYATAAN MASALAH

Murid-murid menghadapi kesukaran untuk membaca dalam bahasa Melayu. Pada masa yang sama, minat mereka kepada membaca semakin terhakis, lantas membuat pembelajaran untuk membaca buku bahasa Melayu semakin rumit. Oleh demikian, kajian ini menerapkan penggunaan ICT dalam PdP membaca buku bahasa Melayu untuk menarik minat murid dan sekaligus meningkatkan kemahiran membaca mereka.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. meningkatkan kemahiran membaca murid.



2. mengkaji keberkesanan ICT dalam menyokong pembelajaran murid.

KAJIAN LEPAS

Mahzan Arshad (2005) menekankan bahawa penggunaan ICT dalam pelajaran bahasa Melayu dapat meningkatkan kualiti pembelajaran serta pengajaran guru dan keberkesanannya dalam situasi pembelajaran yang bersifat pelbagai atau jumlah pelajar yang terlalu ramai. Beliau juga berpendapat penggunaan ICT memberikan banyak faedah. Pada masa yang sama, beliau juga menyatakan bahawa penggunaan ICT dapat meningkatkan minat pelajar terhadap bahan yang digunakan dalam kelas khususnya, dalam keadaan persekitaran yang tidak menggalakkan serta membosankan.

Nor Zakiah Arif dan Nurhani Idris (2012) berpendapat, penggunaan ICT dalam pembelajaran bahasa dapat membantu meningkatkan tahap pembacaan murid. Di dalam kajian yang hampir serupa dengan kajian ini, mereka berpendapat dengan merakam bacaan murid-murid berdasarkan petikan yang telah disediakan, dapat menghasilkan satu keputusan yang menggalakkan.

Kajian mereka telah menunjukkan kesan yang positif dan peningkatan dalam tahap pembacaan murid. Walaupun menggunakan portal yang berbeza, ciri-ciri yang terdapat dalam portal tersebut dan cara penggunaannya hampir serupa dengan portal yang telah kami gunakan iaitu SLS.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah pembelajaran ini menggunakan portal SLS bagi pengalaman pembelajaran pemerolehan. Murid akan merakam bacaan mereka di portal SLS dengan menggunakan aplikasi *Quizizz*. Selain itu, guru juga menerapkan elemen-elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) dalam PdP membaca ini.

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 21 orang murid yang terdiri daripada murid



Darjah 1 yang mempunyai kemahiran membaca yang lemah. Mereka adalah murid pra-aras kebolehan yang memerlukan bimbingan guru dalam kemahiran membaca.

Instrumen Kajian

Salah sebuah aplikasi ICT yang digunakan dalam kajian ini ialah *Quizizz*. Aplikasi *Quizizz* merupakan satu aplikasi yang digunakan kerana perisiannya yang menggunakan kesan visual yang menarik dan mudah digunakan murid. Murid hanya perlu menjalani kuiz mengikut tahap kelajuan bacaan mereka sendiri. Aplikasi ini juga menggalakkan murid belajar secara sendiri setelah dilatih tubi melalui kaedah kuiz. Aplikasi ini juga boleh digunakan sebagai satu wahana penilaian formatif.

Portal SLS pula digunakan bagi merakam bacaan murid. Dari rakaman murid, guru boleh menilai bacaan mereka dari segi sebutan yang betul atau salah. Murid boleh merakam bacaan mereka sebanyak yang mereka mahu sehingga mereka yakin dengan rakaman mereka sendiri. Rakaman suara juga membolehkan murid untuk mendengar semula suara dan bacaan mereka sendiri secara '*real-time*' sebaik sahaja selesai rakaman. Ini menggalakkan penilaian sendiri dalam kemahiran membaca.

Guru akan memuatnaikkan slaid PowerPoint yang akan digunakan oleh murid-murid di dalam portal SLS sebagai aktiviti pengukuhan bagi pelajaran hari itu. Melalui slaid PowerPoint itu, murid-murid dapat memainkan aktiviti 'Roda Ejaan'. Aktiviti ini akan membuat murid berasa seronok serta menggalakkan pengajaran dalam suasana yang seronok. Cara ini boleh menarik minat murid untuk membaca buku bahasa Melayu.

Guru turut menyediakan borang senarai semak kepada murid. Borang ini membolehkan murid untuk menilai bacaan mereka sendiri. Pada masa yang sama, mereka boleh menilai bacaan rakan mereka sebagai aktiviti berpasangan lantas adanya kerja kolaboratif yang dijalankan dalam kelas.

Bagi guru pula, mereka menyediakan rubrik untuk menilai bacaan murid



sepanjang aktiviti bacaan ini dilakukan. Guru menggunakan rubrik ini untuk menilai bacaan murid serta membuat perbandingan bacaan mereka pada awalnya berbanding dengan bacaan mereka pada akhir kajian ini. Dengan cara ini, guru boleh melihat sama ada terdapat peningkatan atau tidak pada bacaan mereka.

Prosedur Kajian

Guru telah menerapkan elemen STP semasa pengajaran dijalankan. Guru menggunakan Aspek Pengajaran (AP) Memberikan Penerangan yang Jelas dan Aktiviti mengajar (AM) Melakukan Tunjuk Cara. Ini kerana kajian ini menggunakan beberapa perisian ICT, ada di kalangan murid yang mungkin tidak tahu mengendalikannya. Guru akan menunjukkan langkah-langkah secara eksplisit untuk mengendalikan perisian tersebut dengan jelas seperti *Quizizz* digunakan untuk menilai murid secara formatif dan menyeronokkan. Portal SLS dan permainan Roda Ejaan digunakan di awal pelajaran sebelum pelajaran bermula. Ini akan memastikan murid tahu apa yang hendak dilakukan dan tidak menjejaskan momentum pembelajaran mereka.

Sebagai langkah permulaan, satu praujian telah dijalankan serentak dengan penilaian holistik murid untuk menilai kebolehan membaca mereka. 21 orang murid yang menjadi subjek kajian khususnya telah diberikan 10 perkataan yang telah dipilih daripada buku teks CEKAP 1B. 10 perkataan tersebut menjadi kayu ukur bagi guru untuk mengenal pasti kemampuan murid membaca. Sama ada murid tergolong dalam kumpulan praaras kebolehan ataupun melebihi aras kebolehan.

Semasa ujian dijalankan, murid yang dapat menyebut perkataan dengan lancar tanpa perlu mengeja perkataan atau kosa kata yang diberikan, akan mendapat 2 mata. Bagi murid yang dapat membaca tetapi perlu mengeja terlebih dahulu, 1 mata akan diberikan. Bagi murid yang langsung tidak dapat membaca, 0 mata akan diberikan. Jadual 1 merupakan senarai 10 patah perkataan yang digunakan di dalam ujian.



Jadual 1: Senarai Perkataan

| No | Perkataan | No | Perkataan |
|-----------|------------------|-----------|------------------|
| 1 | roti | 6 | jem |
| 2 | bakar | 7 | sapu |
| 3 | sandwic | 8 | potong |
| 4 | membuat | 9 | menjadi |
| 5 | cara-cara | 10 | segi tiga |

Sementara menanti pengajaran seterusnya atau giliran mereka, mereka akan bermain permainan Roda Ejaan menerusi iPad ataupun komputer riba. Roda Ejaan itu menjadi latihan bagi mereka untuk mengeja perkataan-perkataan yang terdapat dalam petikan-petikan yang bakal dibaca ataupun sudah pernah dibaca.

Guru memberikan borang senarai semak di setiap akhir pelajaran untuk mengukur kemahiran murid ketika melakukan aktiviti membaca. Pada masa yang sama, guru juga boleh mengetahui tahap kemahiran murid tersebut.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan praujian bacaan murid yang tertera di Jadual 2, beberapa analisis dapat diraih. 30% murid didapati meraih kurang daripada 15 mata. 61.6% murid pula mampu membaca dengan baik tetapi masih lagi melakukan beberapa kesilapan yang ketara. Hanya 8.4% murid yang mampu membaca dengan cemerlang dan lancar tanpa membuat sebarang kesilapan bacaan dan tidak perlu mengeja ketika membaca. Berdasarkan analisis dapatan praujian ini, cabaran bagi guru ialah mencari strategi yang berkesan untuk menyokong pembelajaran murid. Berikut merupakan dapatan kajian praujian dan pascaujian yang dijalankan.



Jadual 2: Dapatan Praujian Bacaan Murid

| Markah | Sangat Lemah 0-4 | Lemah 5-9 | Sederhana 10-14 | Baik 15-18 | Cemerlang 19-20 |
|----------|---------------------|--------------|--------------------|---------------|--------------------|
| Praujian | 1 (4.8%) | 2 (8.4%) | 4 (16.8%) | 14(61.6%) | 2(8.4%) |



Setelah program bacaan dengan menggunakan *Quizizz* dan portal SLS dilaksanakan, pencapaian murid didapati meningkat dengan positif sekali. Kumpulan murid yang mempunyai kemahiran membaca yang baik masih kekal pada 61.6%. Dalam pascaujian ini, tiada murid yang tergolong dalam kumpulan lemah ataupun sederhana. Murid yang tergolong dalam kumpulan ini telah beralih ke kumpulan baik dan cemerlang (Jadual 3)

Jadual 3: Dapatan Pascaujian Bacaan Murid

| Markah | Sangat Lemah 0-4 | Lemah 5-9 | Sederhana 10-14 | Baik 15-18 | Cemerlang 19-20 |
|------------|---------------------|--------------|--------------------|---------------|--------------------|
| Pascaujian | 1 (4.8%) | 0 | 0 | 14(61.6%) | 6 (33.6%) |

Apa yang menarik dalam pascaujian ini, terdapat satu peningkatan di dalam peratusan pencapaian murid di dalam kumpulan cemerlang iaitu 33.6%. Satu peningkatan sebanyak 25.2%. Ini merupakan satu petanda yang baik dan positif. Kumpulan murid yang lemah dan sederhana juga telah beralih. Namun, apa yang menjadi kebimbangan, masih lagi terdapat seorang murid yang masih berada di tahap yang sangat lemah. Tahap yang sama seperti tahap praujian yang memerlukan intervensi yang lebih berfokus.

Jadual 4: Maklum Balas Murid Darjah 2

| No | Soalan | Ya  | Tidak  |
|----|--|---|--|
| 1 | Adakah kamu fikir bacaan kamu semakin baik? | 15 (71.4%) | 6 (28.6) |
| 2 | Dapatkah kamu membaca dengan lebih baik setelah mendengar petikan itu dibacakan di SLS | 17 (81) | 4 (19) |
| 3 | Adakah kamu suka bermain permainan ejaan di <i>Quizizz</i> ? | 18 (85.7) | 3 (14.3) |
| 4 | Adakah kamu suka SLS dan <i>Quizizz</i> digunakan dalam kelas Bahasa Melayu? | 18 (85.7) | 3 (14.3) |

Bagi mengukur keberkesanan pelaksanaan, respons murid telah didapatkan. Satu sesi maklum balas telah dilakukan oleh guru untuk mendapatkan pandangan murid tentang penggunaan portal SLS dan *Quizizz* dalam kelas Bahasa Melayu. 85.7% menyatakan mereka suka menggunakan portal SLS dan *Quizizz* dalam pelajaran Bahasa Melayu 85.7% murid suka bermain permainan ejaan yang terdapat di *Quizizz*. 81% murid berpendapat, mereka dapat membaca dengan lebih baik setelah mendengar petikan audio bacaan yang dimuatkan di SLS dan 71.4% murid berpendapat, bacaan mereka bertambah baik setelah diperkenalkan dengan portal SLS dan *Quizizz*.

KESIMPULAN

Natijahnya, kami mendapati penggunaan ICT dapat meningkatkan PdP yang efektif di dalam bilik darjah. Dalam kajian ini, portal SLS dan aplikasi *Quizizz* telah membantu murid yang lemah dalam membaca. Di samping itu, pembelajaran bahasa Melayu dapat dijalankan dengan lebih menyeronokkan. Pada akhir kajian, murid boleh membaca dengan baik dan meningkatkan keyakinan diri mereka untuk membaca. Mereka menunjukkan minat dan seronok membaca buku bahasa Melayu dengan menggunakan wadah ICT. Wadah ICT ini juga berjaya membuat aktiviti membaca menarik dan bukan sesuatu aktiviti yang membosankan. Penggunaan ICT dalam PdP bahasa Melayu dapat menarik minat murid generasi Z kerana kehidupan mereka lebih



cenderung kepada penggunaan alat IT.

Aplikasi yang berbentuk berbilang media yang digunakan dapat memenuhi keperluan pelajar auditori, visual dan kinestetik. Kami berpendapat bahawa banyak lagi aplikasi ICT boleh diterapkan dalam pelajaran Bahasa Melayu. Ini disebabkan penerapan ICT menjadikan PdP lebih berkesan dan bermanfaat bagi murid di dalam kelas. Namun begitu, penggunaan ICT memerlukan pantauan oleh guru yang sudah mahir dalam penggunaan alat ICT tersebut kerana murid-murid masih menghadapi kesukaran mengendalikannya ketika pelajaran dijalankan lebih-lebih lagi murid praaras kebolehan.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Nurshahidah Noor
2. Rozita Abdul Hamid

RUJUKAN

- Adams, M. J. (1990). *Beginning to read: thinking and learning about print*. Cambridge, Mass: MIT Press.
- Allington, Richard. (1977). If they don't read much, how they ever gonna get good?. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*. 21. 57-61. 10.1598/JAAL.21.1.10.
- Mahzan Arshad (2005). Penggunaan teknologi dalam pendidikan literasi bahasa melayu. Dipetik pada 19 November 2019 dari https://www.academia.edu/3486875/penggunaan_teknologi_dalam_pendidikan_literasi_bahasa_melayu
- Nor Zakiah Arif & Nurhani Idris (2012). Penggunaan ICT bagi meningkatkan kemahiran membacamurid. Dipetik pada 19 November 2019 dari https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/docs/librariesprovider6/ml-poetry-g50/seminar-bahasa-melayu-2012/kertas-kerja-sesi-sidang-selari/19-penggunaan-ictbagi-meningkatkan-kemahiran-membaca-murid-pei-tong.pdf?sfvrsn=804d0e9d_2

